

Abdullah rasmi pembukaan Pusat Membeli-Belah Alamanda

Um - 5/10/2004: 2 Perdana

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

PUTRAJAYA 4 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini merasmikan pembukaan Alamanda iaitu pusat membeli-belah pertama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Majlis gilang-gemilang itu berjaya menarik kunjungan kira-kira 2,000 penduduk Putrajaya dan kawasan sekitarnya untuk menyaksikan persembahan yang disediakan.

Majlis diserikan dengan persembahan akrobatik Kumpulan Bala-gan yang didatangkan khas dari Las Vegas, Amerika Syarikat selain pertunjukan bunga api dan pancaran laser selama kira-kira dua minit.

Turut menarik perhatian ialah pertunjukan fesyen oleh pereka terkenal tanah air iaitu Rizalman yang menampilkan rekaan berkonsep kontemporari.

Antara tetamu kenamaan yang hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd. Isa Samad dan timbalannya, Datuk Zulhasnan Rafique; Pengerusi Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudian Osman dan Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Perdana Menteri dalam ucapan-

nya meminta pusat membeli-belah seperti Alamanda supaya menjual dan mempamerkan lebih banyak barangan buatan tempatan.

Menurut beliau, Malaysia mempunyai banyak barangan tempatan seperti seperti kraftangan dan makanan yang jika dibungkus dengan cantik, ia mampu menarik perhatian pembeli termasuk untuk dijadikan sebagai cenderamata.


Pengunjung

Katanya, semua pihak perlu mengiktiraf barangan tempatan supaya para pengilang berpeluang menjualnya di pusat-pusat membeli-belah utama seterusnya mengeksport ke luar negara.

“Penjualan barangan tempatan di pusat-pusat membeli-belah dalam dan luar negara menunjukkan tahap ekonomi sesebuah negara yang mampu menghasilkan barangan bukan sahaja untuk kegunaan sendiri tetapi juga untuk eksport,” ujarinya.

Sementara itu, Pengerusi Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., Datuk Ishak Imam Abbas berkata, pembukaan rasmi Alamanda dijangka mampu menarik lebih ramai pengunjung.

Katanya, dalam tempoh seminggu selepas pra-pelancarannya pada Ogos lalu, lebih daripada 70,000 pengunjung telah mengunjungi Alamanda.



ABDULLAH Ahmad Badawi meletakkan kelopak bunga Alamanda sambil diperhatikan oleh Ishak Imam Abbas dan Pengurus Pemasaran Alamanda, Emma Khalid pada majlis perasmian Pusat Membeli-Belah Alamanda di Putrajaya, malam tadi. — Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI